

26/12/1999

Sidang Parlimen lebih awal tidak langgar Perlembagaan

Prof Dr Shad S Faruqi

APAKAH kuasa dan peranan sebuah kerajaan sementara (caretaker government)?

Isu penting tapi jarang dibicarakan ini, kini menjadi punca kontroversi Perlembagaan yang membawa kepada tindakan pembangkang keluar dan berlaku kekecohan dalam persidangan Parlimen, Isnin lalu.

Sebuah kerajaan sementara merujuk kepada kerajaan yang menjaga atau mentadbir negara ketika tempoh peralihan di antara tempoh pembubaran Parlimen dan pembentukan kerajaan yang baru.

Kebanyakan amalan demokrasi berparlimen ala-Inggeris, tiada peruntukan dalam Perlembagaan yang mensyaratkan diwujudkan kerajaan sementara menjelang pilihan raya.

Bagaimanapun, sudah wujud amalan, apabila Parlimen dibubarkan, kerajaan sebelum itu akan meneruskan pentadbiran. Ia hanya mengosongkan pentadbiran jika keputusan pilihan raya menunjukkan ia tidak memperoleh kerusi majoriti di Parlimen yang baru.

Sedikit sebanyak amalan itu kini sudah diterapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Artikel 43 (2), memperuntukkan apabila Parlimen dibubar, seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat yang terakhir itu boleh dilantik sebagai Perdana Menteri.

Pentingnya peraturan itu ialah, Perlembagaan memastikan tidak berlaku dalam sebarang tempoh negara tidak mempunyai kerajaan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong.

Apabila Parlimen dibubar, Yang di-Pertuan Agong tidak menjadi pemerintah yang berkuasa mutlak. Baginda masih tertakluk mengikut Artikel 40 (1), iaitu bertindak atas nasihat Perdana Menteri, kecuali dalam empat keadaan disebut dalam Artikel 40 (2), yang baginda mempunyai sedikit kebebasan membuat pertimbangan sendiri.

Perlembagaan tidak menyatakan bentuk dan bidang atau batasan kuasa kerajaan sementara melainkan memperuntukkan Perdana Menteri sementara tidak boleh mentadbir apabila bermulanya sidang baru Parlimen, kecuali beliau sudah dilantik semula oleh Parlimen baru dan dilantik semula menjadi Perdana Menteri.

Inilah antara sebab sesetengah pihak berpendapat kerajaan sementara mempunyai kuasa seperti kerajaan biasa.

Di pihak lain pula, ada berpendapat, peranan kerajaan sementara hanya mentadbir negara menjelang pilihan raya. Tugas utamanya ialah bagi memastikan keamanan dan keselamatan terjamin, selain kelicinan perjalanan segala urusan kerajaan pada masa itu.

Ia (kerajaan sementara) tiada hak mengambil langkah drastik atau melaksanakan langkah baru. Ia tidak sepatutnya (seperti Vajpayee - Perdana Menteri India) menguji senjata baru, mengugut negara jiran, membuat pelantikan penting, berbelanja besar atau melakukan merombakan besar dalam pentadbiran negara. Ia tiada hak dalam demokrasi untuk melakukan ini, oleh itu wajar menanti kerajaan baru melaksanakannya.

Pandangan ini diterima kebanyakan pengamal undang-undang. Tetapi ada yang bersetuju dengan pendapat, dalam keadaan luar biasa, kuasa luar biasa perlu dilaksanakan.

Sebagai contoh, apabila Perdana Menteri Australia, Gough Whitlam dipecat oleh Gabenor Jeneral, (Malcolm) Fraser dilantik menjadi Perdana Menteri Australia yang baru. Pelantikan Fraser ini hanya sementara kerana beliau tidak mempunyai majoriti di Parlimen. Tapi, atas nasihat beliau, Gabenor Jeneral Australia membubarkan awal Parlimen.

Dalam keadaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula, beliau sebagai ketua kerajaan sementara, membuat keputusan kontroversi dengan menasihati Yang di-Pertuan Agong supaya memanggil Parlimen baru bersidang.

Apabila beliau melakukan ini, beliau dan gabungannya sudah memenangi pilihan raya umum dan beliau sendiri, selain menjadi ketua kerajaan sementara, juga bakal Perdana Menteri untuk mentadbir kerajaan baru, meskipun belum mengangkat sumpah.

Adakah tindakan beliau itu tidak mengikut Perlembagaan? Tiada peruntukan dalam Perlembagaan dilanggar kerana Perlembagaan tidak mensyaratkan halangan dalam bidang kuasa kerajaan sementara. Tidak juga ada pelanggaran dalam amalan Perlembagaan. Menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk memanggil persidangan Parlimen agar suara rakyat dapat diterjemahkan di Parlimen tidak boleh dianggap sebagai langkah tidak kena atau drastik oleh pihak yang memegang kuasa dalam kerajaan sementara.

Tiada usaha untuk melanjutkan tempoh hayat kerajaan sementara itu lebih dari sepatutnya; tiada hasrat juga untuk membiarkan Parlimen tergantung selama 120 hari selepas pembubaran walaupun ini dibenarkan seperti termaktub dalam Artikel 55(4).

Usaha memanggil mesyuarat Parlimen selepas lebih 39 hari pembubaran, sedangkan tempoh 120 hari diperuntukkan, wajar diberi pujian bukannya kutukan.

Kita harus sedar apakah keperluan menyegerakan persidangan Dewan Rakyat. Satu belanjawan sementara perlu dibentangkan. Sesebuah kerajaan boleh menggunakan dua cara untuk mendapatkan kewangan. Pertama, kerajaan boleh menggunakan peraturan darurat dalam Artikel 150 untuk menguatkuasakan Ordinan Darurat bagi mendapatkan sumber kewangan yang diperlukan. Kedua, kerajaan boleh meminta Parlimen bersidang awal bagi memintanya meluluskan Belanjawan. Nampaknya, kerajaan memilih ke Parlimen. Mengetepikan soal politik, adalah sukar untuk mencari `dosa' terhadap cara ini.

(END)